



## Memo

LEMBAGA GETAH MALAYSIA  
MALAYSIAN RUBBER BOARD

**Kepada** : Semua Warga LGM  
**Daripada** : Ketua Unit Pembangunan Sumber Manusia  
**Rujukan** : LGM/KP/KUPSM/027  
**Tarikh** : 04 April 2019

### KENYATAAN UNIT PEMBANGUNAN SUMBER MANUSIA BILANGAN 10 TAHUN 2019

#### KEMUDAHAN PERUBATAN WARGA LGM DAN TANGGUNGAN

Dengan hormatnya perkara di atas adalah dirujuk.

2. Kenyataan ini bertujuan untuk memaklumkan kepada warga LGM berhubung dengan pelaksanaan kemudahan perubatan yang berkuatkuasa mulai **1 April 2019**. Kemudahan ini adalah untuk perkhidmatan pesakit dalam hospital (in-patient) dan pesakit luar (out-patient).
3. Dimaklumkan bahawa LGM telah melantik *Sterling Insurance Brokers* menguruskan kemudahan perubatan bagi warga LGM dan tanggungannya. LGM telah melangkah ke satu tahap lagi dalam pengurusan perubatan dengan melebarkan sayapnya ke pengurusan pesakit luar. Bagi tujuan tersebut, pihak *Sterling Insurance Brokers* telah melantik :-
  - i. Etiqa Family Takaful Berhad bagi mengendalikan manfaat perubatan insurans;
  - ii. MediExpress (Malaysia) Sdn. Bhd. sebagai Pengendali Pihak Ketiga (TPA) bagi pengurusan pesakit dalam; dan
  - iii. HEALTH Connect (anak syarikat MediExpress) bagi mengendalikan pesakit luar berdasarkan peraturan perubatan LGM semasa.
4. Kemudahan selain di atas seperti rawatan di hospital kerajaan, Institut Jantung Negara Sdn. Bhd, ubat-ubatan dan peralatan yang disokong oleh Kementerian Kesihatan Malaysia berdasarkan kemampuan kewangan LGM adalah kekal seperti sedia ada.
5. Bersama ini disertakan senarai Hospital dan klinik panel untuk makluman dan rujukan. Adalah diingatkan sebahagian hospital memerlukan wang cagaran (deposit) bagi kemasukan ke hospital. Maklumat mengenai kemudahan perubatan pesakit dalam dan luar boleh dicapai melalui portal UPSM dengan melayari <http://www3.lgm.gov.my/upsm>.

6. Sekiranya mempunyai pertanyaan mengenai tatacara penggunaan/tuntutan kemudahan perubatan ini, boleh menghubungi terus ke: *HELPLINE* : 1300-80-0020 atau 0378841818.

Sekian dilmaklumkan.

**“BERKHIDMAT UNTUK NEGARA”**  
**‘KREATIF, INOVATIF, PROGRESIF’**



**(EMILIA BINTI KASSIM)**

s.k : Ketua Pengarah  
Timbalan Ketua Pengarah (Penyelidikan & Inovasi)  
Timbalan Ketua Pengarah (Dasar & Operasi)  
Pegawai-Pegawai Bahagian